

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 JANUARI 2017 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	APMM Terengganu nasihati orang ramai jauhi pantai	Utusan Online
2.	Paras air laut naik, aktiviti pantai, perkhidmatan feri terdedah bahaya	Berita Harian Online



APMM Terengganu nasihati orang ramai jauhi pantai

MARANG 22 Jan. - Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Terengganu menasihati orang ramai agar tidak melakukan sebarang aktiviti di sepanjang pantai di negeri itu susulan keadaan angin kencang dan laut bergelora ketika ini.

Pengaruhnya Lt. Kol. Che Adam A Rahman berkata, ini kerana keadaan arus karau yang kuat berupaya menarik mangsa yang jatuh ke laut sehingga menyukarkan mangsa menyelamatkan diri.

"Seperti yang kita sedia maklum, salah seorang mangsa lemas di Pantai Bukit Keluang, Besut masih lagi belum ditemui sehingga kini. Jadi saya sangat berharap agar orang ramai tidak berada terlalu hampir dengan pantai sehinggalah monsun Timur Laut ini berakhir sekitar Mac nanti," katanya.

Sementara itu, **Jabatan Meteorologi** melalui laman sesawang <http://www.met.gov.my> pula berkata, angin kencang timur laut dengan kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam serta ombak setinggi 4.5 meter dijangka berlaku di perairan Kelantan dan Terengganu sehingga esok.

Menurut portal itu lagi, keadaan tersebut berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Selain itu, kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut sehingga esok.- BERNAMA



Paras air laut naik, aktiviti pantai, perkhidmatan feri terdedah bahaya

KUALA LUMPUR : Paras air laut kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur dijangka akan terus meningkat sehingga esok, kata **Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)**.

Dalam kenyataan yang dikemas kini pada 5.56 pagi tadi, MetMalaysia turut mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori kedua. Terdahulu, pada 16 Januari lalu, orang ramai sudah diingatkan dengan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama, yang mendedahkan kawasan berkenaan dengan banjir.

"Angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam (km/j) dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan Kelantan dan Terengganu sehingga esok.

"Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk aktiviti menangkap ikan dan perkhidmatan feri," kata kenyataan itu.

Sementara itu, angin kencang Timur Laut kategori pertama dengan kelajuan 40 hingga 50km/j dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan Pahang, Johor Timur dan Sabah (Kudat dan Sandakan) sehingga esok.

MetMalaysia berkata, keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut. Selain itu, amaran ribu petir menyeluruh dijangka melanda dua lokasi perairan, iaitu Sarawak (Mukah & Bintulu) dan Sabah (Pantai Barat & Sandakan) dan ia dijangka berterusan sehingga lewat pagi ini.

"Keadaan ribut petir boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50km/j dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot kecil," kata kenyataan itu lagi.